

# **PENGLIBATAN WANITA DALAM TENAGA BURUH:**

**KAJIAN KES DI KAWASAN PERUMAHAN MAK MANDIN PULAU PINANG**

Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Keperluan  
Ijazah Sarjan Muda Sastera Dengan Kepujian (B. A. Hons.).



**LAMJARI BIN SARIF TAWANG**

**BAHAGIAN GEOGRAFI**  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
(1999/2000)

*Kuabadikan untuk;*

*Ibu*

*Ayah*

*Kakak*

*dan Adik-adik;*

*Pengorbanan kalian akan kukenang sehingga akhir  
hayat ini.*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur saya ucapkan kehadiran Allah, akhirnya saya dapat menyiapkan latihan Ilmiah ini. Saya sedar bahawa latihan ini tidak akan dapat disiapkan tanpa bantuan dan kerjasama daripada berbagai-bagai pihak.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Usman Haji Yaakob yang sudi menjadi penyelia kajian ini dan banyak memberi bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar sehingga dapat menyempurnakan kajian ini.

Tidak ketinggalan juga, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Osman Idris, Pengurus Perumahan cawangan Mak Mandin yang telah banyak memberikan maklumat mengenai penduduk di Mak Mandin. Begitu juga dengan Pengerusi Rukun Tetangga Mak Mandin, pegawai-pegawai di pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), diucapkan terima kasih atas kerjasama dan bantuan yang diberikan kepada saya. Kepada responden-responden dan juga orang perseorangan yang terlibat secara langsung dalam kajian ini, sukacita saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima yang tidak terhingga kepada mereka.

Akhir sekali, saya ucapkan ribuan terima kepada Puan Fazita Hassim sekeluarga, kerana telah membenarkan saya tinggal di rumah mereka sepanjang tempoh kajian ini dibuat. Cik Rohiah Jantan, Aizwan, Mohd. Nazri dan rakan-rakan sekursus serta kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini dengan memberikan dorongan, kritikan, nasihat, sokongan dan pandangan yang membina. Di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih.

Lamjari bin Sarif Tawang  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
1999/2000

## ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini adalah mengenai penglibatan wanita Melayu yang telah berkahwin dalam sektor pekerjaan bergaji. Bagi menjalankan kajian ini, satu Kajian kes telah dibuat iaitu di kawasan perumahan Mak Mandin di Seberang Perai Utara. Kaedah kajian ialah melalui soal selidik dengan mengambil seramai 162 orang responden (wanita yang telah berkahwin dan terlibat dalam pekerjaan bergaji) sebagai sampel kajian. Antara angkubah yang turut diberi perhatian dalam kajian ini ialah, ciri-ciri sosio-demografi, faktor penglibatan serta halang dan masalah yang dihadapi oleh wanita dalam tenaga buruh.

Hasil kajian mendapati, penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan bergaji adalah tinggi. kebanyakannya mereka yang terlibat adalah mereka yang berumur antara 35 hingga 49 tahun. Ini sesuai dengan keadaan mereka yang telah berkahwin dan mempunyai saiz keluarga yang besar. Taraf pendidikan yang masih rendah di kalangan wanita menyebabkan mereka terus bertumpu dalam sektor pengeluaran, sektor perkhidmatan dan perkeranian.

Peningkatan wanita yang telah berkahwin dalam sektor pekerjaan adalah didorong oleh tekanan kewangan. Ini disebabkan oleh gaji suami yang rendah dan tidak mencukupi untuk menampung kos perbelanjaan di bandar yang terlalu tinggi. Keadaan turut menjadi